



PERSEPSI GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP KEBERKESANAN PENGGUNAAN BUKU TEKS SEBAGAI BAHAN BANTU MENGAJAR

[THE PERCEPTION OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS ON THE USE OF TEXTBOOK AS TEACHING AID]

MOHD KHAIRUL AZUAN ABDULLAH¹ & MOHD ISA HAMZAH^{1*}

1* Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor MALAYSIA.
Email: p111222@siswa.ukm.edu.my; isa_hamzah@ukm.edu.my

Corespondent Email: isa_hamzah@ukm.edu.my

Received: 8 May 2023

Accepted: 5 June 2023

Published: 10 July 2023

Abstrak: Penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran guru merupakan suatu nilai tambah dalam meningkatkan penguasaan murid bagi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan buku teks sebagai bahan bantu mengajar masih kekal relevan serta berterusan digunakan oleh guru walaupun dengan wujudnya pelbagai bahan bantu mengajar lain yang terkini serta berdasarkan multimedia dan elektronik. Penggunaan buku teks sebagai bahan bantu mengajar Pendidikan Islam di sekolah rendah dilihat masih secara meluas digunakan oleh guru-guru dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Aspek keberkesanan penggunaan buku teks sebagai bahan bantu mengajar dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran merupakan suatu yang dianggap penting kerana ia merupakan matlamat utama penggunaannya. Satu kajian telah dijalankan bertujuan untuk mengkaji berkaitan persepsi guru Pendidikan Islam terhadap keberkesanan penggunaan buku teks sebagai bahan bantu mengajar subjek Pendidikan Islam sekolah rendah. Sampel kajian ini adalah merupakan guru-guru Pendidikan Islam yang mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di daerah Hulu Langat, Selangor yang dipilih berdasarkan kaedah pensampelan rawak berlapis. Reka bentuk kajian ini ialah kuantitatif berbentuk tinjauan yang menggunakan analisis deskriptif. Data kajian dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 25 yang menggunakan peratusan, min skor dan sisihan piawai. Umumnya, dapatan dari hasil kajian ini menunjukkan persepsi guru Pendidikan Islam terhadap buku teks Pendidikan Islam adalah tinggi. Beberapa penambahbaikan perlu dilakukan berkait dengan aspek kandungan bertujuan merelevangkan penggunaan buku teks dari masa ke masa. Dapatkan kajian ini turut memberikan suatu justifikasi akan perlunya persepsi guru Pendidikan Islam diambil kira dalam pembinaan buku teks Pendidikan Islam.

Kata kunci: Guru Pendidikan Islam, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, buku teks, keberkesanan, bahan bantu mengajar

Abstract: The use of teaching aids is an added value in increasing student mastery to achieve teaching and learning objectives. The use of textbooks as teaching aids still remains relevant and continues to be used by teachers despite the existence of various other teaching aids which are up-to-date and based on multimedia and electronics. The use of textbooks as teaching aids for Islamic Education in primary schools is seen to be still widely used by teachers in the teaching and learning process. A study was conducted with the aim of examining the perception of Islamic Education teachers on the effectiveness of using textbooks as teaching aids for the Islamic Education in primary schools. This study consists of Islamic Education teachers from various Chinese National Type Schools (SJKC) in the Hulu Langat district, Selangor, who were selected based on a stratified random sampling method. The design of this study is quantitative survey that uses descriptive analysis. The research data was analysed using SPSS

Version 25 software which uses percentage, mean and standard deviation. Generally, the findings from this study show that the perception of Islamic Education teachers towards Islamic Education textbooks is positive. However, some aspects related to the content are still needed to be improved. The findings of this study show that the perception of Islamic Education teachers needs to be taken into account in the construction of Islamic Education textbooks.

Keywords: Islamic Education Teacher, Chinese National Type School, textbook, effectiveness, teaching aids

Cite This Article:

Mohd Khairul Azuan Abdullah & Mohd Isa Hamzah. 2023. Persepsi Guru Pendidikan Islam Terhadap Keberkesanan Penggunaan Buku Teks Sebagai Bahan Bantu Mengajar [The Perception Of Islamic Education Teachers On The Use Of Textbook As Teacing Aid]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 3(3), 39-51.

PENGENALAN

Buku teks merupakan satu komponen penting dalam pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Buku teks yang dijadikan sebagai bahan bantu mengajar (BBM) serta turut dijadikan panduan oleh guru dan murid bagi memastikan perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran bertepatan dengan kehendak serta objektif pengajaran yang telah dirancang oleh guru. Hal ini menjadikan penggunaan buku teks dilihat penting walaupun peranannya sebagai bahan bantu mengajar.

Merujuk kepada Laporan Jawatankuasa Perguruan Mengkaji Sebab-Sebab Laporan Keciciran, KPM (1997), menyatakan bahawa penggunaan buku teks merupakan suatu penentu yang penting terhadap pencapaian murid-murid. Hal ini dapat dilihat berdasarkan penggunaan buku teks oleh guru Pendidikan Islam semasa PdP adalah tinggi (Abd. Halim & Nik Mohd Rahimi, 2011). Buku teks walaupun fungsi serta peranannya sebagai bahan bantu mengajar, ia tidak dapat menafikan peranannya yang sangat penting berkait dengan pencapaian murid kerana ia digunakan secara meluas oleh murid sebagai rujukan dalam pembelajaran.

Selain digunakan secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran, juga turut dijadikan rujukan utama oleh murid, ia sekaligus membantu mereka memahami pelajaran dan menjadikan mereka berjaya dalam peperiksaan atau ujian pada masa hadapan (Aisyah Sjahrony et al. 2017). Hal ini kerana kandungannya yang menepati silibus yang diajar di sekolah serta merangkumi apa yang perlu dipelajari oleh murid menjadikan buku teks sesuai dijadikan rujukan oleh murid.

Perbincangan berkaitan keberkesanan penggunaan buku teks sebagai BBM dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan suatu yang dianggap penting. Hal ini kerana pelbagai perubahan demi perubahan telah dilakukan serta dibuat bagi memastikan penggunaan buku teks terus kekal relevan dalam penggunaannya. Walaubagaimanapun, menurut Roseland & Saifudin (2012) dalam berhadapan era globalisasi kini, penggunaan BBM yang banyak dibekalkan di sekolah telah mengetepikan peranan dan fungsi buku teks sebagai bahan rujukan utama PdP, terutamanya dengan kewujudan BBM yang berbentuk elektronik.

Kepelbagaiannya isu terkini berkaitan dengan buku teks yang ditimbulkan, terutamanya pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh berautoriti juga menjadikan keberkesanannya dalam proses pengajaran turut dipersoalkan. Menurut Sahandri et al. (2012),

buku teks yang merupakan antara BBM guru, yang mana perlu dinilai bagi menentukan keberkesanannya penggunaannya dalam proses PdP.

Pandangan berkaitan penggunaan tulisan jawi secara sepenuhnya di dalam penulisan buku teks Pendidikan Islam sekolah rendah contohnya turut menimbulkan suatu permasalahan kepada guru bagi memastikan berkesannya penggunaan buku teks dalam pengajaran mereka hal ini secara lebih khusus kepada murid-murid Islam di SJKC. Bertitik tolak dari kelemahan penguasaan murid dalam tulisan jawi menimbulkan permasalahan kepada murid untuk membaca buku teks Pendidikan Islam yang dicetak dalam tulisan jawi (Sahandri et al., 2012). Kelemahan dalam menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi akan menjadikan murid semakin ketinggalan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, apabila BBM yang digunakan oleh guru ditulis dengan menggunakan tulisan Jawi (Muhammad Endut, 1992).

Persoalan berkaitan aras yang perlu dikuasai terlalu tinggi serta menyukarkan murid memahaminya juga turut memberi kesan langsung terhadap keberkesanannya penggunaan buku teks dalam pengajaran. Silibus yang dimuatkan di dalam buku teks sebagai sumber rujukan utama guru dan murid yang dilihat tidak selari dengan aras serta tahap keupayaan murid turut menatihahkan kritikan yang berpanjangan. Permasalahan turut timbul apabila silibus Pendidikan Islam yang diajar di Sekolah Jenis Kebangsaan adalah sama seperti yang perlu dipelajari di Sekolah Kebangsaan sedangkan terdapat perbezaan yang ketara dari sudut penguasaan murid. Merujuk kepada data Penilaian Kendalian Sekolah Rendah (PKSR) 2 yang dilaksanakan pada tahun 2011, khusus kepada murid-murid Islam di SJKC seluruh negeri Perak, dapatkan menunjukkan penguasaan mereka berada pada tahap sederhana dan lemah (Azmil Hashim et al. 2015). Berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan Amirul Shafiq Rodin & Isa Hamzah (2020), turut menunjukkan bahawa kandungan silibus pembelajaran ilmu Tajwid di dalam buku teks Pendidikan Islam tahun 1 terlalu tinggi untuk dikuasai oleh murid dari sekolah vernakular.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian yang dilaksanakan ini mengandungi beberapa objektif yang dikenal pasti bertujuan untuk mendapat maklumat secara terperinci. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji aspek-aspek berikut:

- a. Menilai persepsi guru Pendidikan Islam terhadap keberkesanannya penggunaan buku teks sebagai bantu mengajar dalam pengajaran.
- b. Mengetahui sejauh mana kesesuaian kandungan buku teks serta mengikut aras kemahiran murid.
- c. Mengenal pasti cabaran yang dihadapi guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pengajaran menggunakan buku teks.

TINJAUAN LITERATUR

Penggunaan BBM dalam proses pengajaran merupakan suatu nilai tambah yang begitu signifikan dalam memudahkan guru untuk menyampaikan pengajaran dan turut membantu murid meningkatkan kefahaman. Kamarul Azmi et al. (2011) berpandangan, BBM yang

digunakan di dalam pengajaran memberikan kesan positif terhadap kecemerlangan akademik murid dan kaedah pengajaran yang diamalkan. Penggunaan BBM yang bersesuaian serta menarik, mampu menarik minat serta fokus murid untuk belajar. Hal ini membawa kepada tercapainya objektif pengajaran yang dirancang oleh guru. BBM merupakan antara faktor utama dalam menentukan kejayaan pembelajaran, menimbulkan rangsangan keinginan murid untuk mengetahui sesuatu dan untuk menjadikan pembelajaran lebih menarik (Nurzaemah et al. 2015). Semestinya objektif serta matlamat akhir dari pengajaran guru bertujuan memberi manfaat semaksimum mungkin kepada murid.

Nurzaemah et al. (2015) turut berpandangan bahawa BBM yang digunakan para guru juga mampu menjimatkan masa guru mengajar di sesebuah kelas, memudahkan guru menggunakan bahan secara berulang-ulang. Hal ini kerana, para guru boleh menyesuaikan penggunaan bahan-bantu mengajar sedia ada dengan kepelbagaiannya kelas serta murid tanpa perlu bersusah payah memikirkan bahan bantu mengajar yang lain.

Keberkesanan penggunaan BBM dilihat berdasarkan kepelbagaiannya faktor yang berkait rapat dengan pengajaran guru. Menurut Nik Norhazimah et al. (2012) keberkesanan bahan bantu mengajar dinilai berdasarkan kemampuan membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Norshida Hashim (2012) berpandangan bahawa BBM yang berkesan membantu mempercepatkan proses pemahaman murid iaitu jenis-jenis bahan bantu mengajar yang dipilih mestilah secara mudah, cepat dan betul difahami oleh murid dengan matlamat menerangkan sesuatu perkataan yang menunjukkan kepada sesuatu benda.

Pemilihan BBM yang berkesan juga seharusnya bertepatan dengan kurikulum. Pengajaran yang disampaikan menggunakan BBM seharusnya mempunyai keselarasan dengan kurikulum pengajaran yang telah ditetapkan sama ada dari segi kemahiran isi dan susunannya. Ketidaksesuaian isi pengajaran serta terkeluar dari matlamat dan kandungan kurikulum kurang dalam memberikan manfaat malahan boleh menyebabkan murid berada dalam keadaan tertekan di samping menambah beban dan membuang masa.

Penggunaan buku teks sebagai BBM masih dianggap relevan serta penting walaupun dengan kewujudan pelbagai jenis BBM yang lain terutamanya yang berunsurkan elektronik serta ICT. Kamarul Azmi et al. (2011) dalam dapatannya menyatakan guru lebih selesa menggunakan dua jenis BBM utama dalam pengajaran iaitu kertas edaran mahupun modul serta buku teks. Menurut Siti Nasuha (2021), keterbatasan penggunaan alatan elektronik dalam kalangan guru juga turut menjadi penyumbang kepada penggunaan buku teks sebagai bahan utama dalam pelaksanaan proses PdP.

Banyak kajian yang dilaksanakan menunjukkan guru-guru Pendidikan Islam masih menjadikan buku teks sebagai pilihan utama BBM bagi melaksanakan pengajaran. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Kamarul Azmi et al. (2011), amalan penggunaan BBM dalam kalangan guru cemerlang Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia menunjukkan bahawa, buku teks menjadi antara pilihan utama guru-guru sebagai BBM mereka. Menurut Abd. Halim & Nik Mohd Rahimi (2011), penggunaan buku teks oleh guru Pendidikan Islam semasa proses PdP adalah tinggi.

Manakala kajian yang dijalankan Siti Nasuha (2021) terhadap tahap penggunaan buku teks Pendidikan Islam (KSSM) Tingkatan Satu menunjukkan, penggunaan buku teks mencapai tahap interpretasi yang tinggi. Hal ini memberi suatu gambaran yang cukup jelas bahawa, guru-

guru Pendidikan Islam masih lagi memanfaatkan penggunaan buku teks sebagai BBM utama di sekolah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berasaskan kajian kuantitatif berbentuk tinjauan dengan menggunakan analisis deskriptif. Kajian tinjauan adalah satu kaedah bagi tujuan untuk mengumpul maklumat dengan format pertanyaan melalui satu set instrumen yang disediakan oleh pengkaji. Menurut Mohd Najib (2003), reka bentuk kajian dibina bertujuan bagi mengumpul data maklum balas dari soalan-soalan kajian yang ditulis.

Pensampelan

Sampel yang dipilih adalah terdiri dari guru-guru Pendidikan Islam sekolah rendah yang mengajar di SJKC di daerah Hulu Langat, Selangor iaitu seramai 29 orang guru yang melibatkan 16 buah sekolah. Sampel dipilih berdasarkan kaedah pensampelan rawak berlapis disebabkan kaedah ini sesuai digunakan untuk jumlah populasi yang tidak seragam yang mana bilangan guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di setiap sekolah yang menjadi populasi kepada kajian adalah berbeza serta tidak sama bilangannya iaitu samada seorang, dua atau tiga orang guru bagi setiap sekolah berdasarkan jumlah murid bagi sesebuah sekolah.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik melalui *google form* serta menggunakan skala likert bagi setiap item. Instrumen ini mengandungi empat bahagian iaitu bahagian A, B, C dan D. Bahagian A ialah maklumat demografi responden iaitu jantina, umur, lokasi sekolah, pengalaman mengajar dan kelayakan akademik. Bahagian B ialah persepsi guru terhadap penggunaan buku teks di dalam pengajaran. Bahagian C ialah tahap kesesuaian kandungan buku teks dan bahagian D pula ialah cabaran yang perlu dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan pengajaran menggunakan buku teks.

Item yang terdapat di dalam soal selidik ini mempunyai lima pilihan jawapan yang berpandukan kepada Skala Likert 1 hingga 5. Jawapan yang ditandakan menunjukkan sama ada mereka sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju atau sangat setuju terhadap setiap kenyataan item yang diberikan.

Instrumen soal selidik ini telah disemak oleh dua orang pensyarah yang mempunyai kepakaran dalam bidang Pendidikan Islam dan diuji kebolehpercayaannya dengan nilai *Alpha Cronbach*. Dapatkan nilai *Alpha Cronbach* menunjukkan kebolehpercayaan instrumen soal selidik berada pada tahap tinggi dan memuaskan serta boleh diterima. Jadual 1 menunjukkan dapatan nilai *Alpha Cronbach* dan interpretasinya bagi instrumen soal selidik kajian ini.

Jadual 1: Dapatkan Nilai Alpha Cronbach

Aspek	Bilangan Item	Nilai alpha cronbach	Interpretasi
Keberkesanan Penggunaan Buku Teks	6	.850	Tinggi dan Memuaskan
Tahap Kesesuaian Kandungan Buku Teks	9	.912	Tinggi dan Memuaskan
Cabaran Guru Pendidikan Islam Dalam Melaksanakan Pengajaran	5	.709	Memuaskan

Analisis Kajian

Data-data yang diperoleh hasil daripada soal selidik yang dijalankan akan dianalisis secara deskriptif menggunakan pakej perisian statistik iaitu Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 25.

DAPATAN KAJIAN

Maklumat Responden

Jadual 2: Maklumat Responden

Item	Kekerapan	Peratusan %
Jantina		
Lelaki	8	27.6
Perempuan	21	72.4
Umur		
21-30	4	13.8
31-40	18	62.1
41-50	5	17.2
51-60	2	6.9
Lokasi Sekolah		
Bandar	26	89.7
Luar Bandar	3	10.3
Pengalaman Mengajar		
1-5 Tahun	4	13.8
6-10 Tahun	13	44.8
11-15 Tahun	7	24.1
>16 Tahun	5	17.2
Kelayakan Akademik		
Diploma	1	3.4
Sarjana Muda	25	86.2
Sarjana	3	10.3
Phd	0	0

Jadual 2 menunjukkan demografi responden. Berdasarkan jumlah keseluruhan responden iaitu seramai 29 orang guru Pendidikan Islam, didapati bahawa guru perempuan merupakan kelompok majoriti serta mendominasi kajian ini dengan 21 orang guru (72.4%) dibandingkan dengan jumlah guru lelaki 8 orang guru (27.6%). Dari segi umur pula, majoriti guru yang terlibat dalam kajian ini adalah berumur dalam lingkungan 31- 40 tahun (62.1%), diikuti oleh guru yang berumur 41-50 tahun (17.2%), guru yang berumur 21-30 tahun (13.8%) dan guru yang berumur 51-60 tahun adalah merupakan kelompok yang paling kecil dalam kajian ini iaitu (6.9%). Dari segi kedudukan sekolah, hampir keseluruhan sekolah yang diajar guru adalah berada di kawasan bandar dengan (89.7%), manakala kawasan luar bandar hanya sekitar (10.3%). Dari segi pengalaman mengajar, peratusan paling tinggi adalah guru yang mengajar untuk tempoh masa 6 hingga 10 tahun (44.8%), diikuti 11 hingga 15 tahun (24.1%), 16 tahun dan keatas (17.2%) dan 1 hingga 5 tahun (13.8%). Bagi kelayakan akademik pula, bilangan yang paling mendominasi adalah guru-guru yang memiliki Ijazah Sarjana Muda (86.2%), diikuti oleh Ijazah Sarjana (10.3%) manakala yang memiliki Diploma Pendidikan adalah (3.4%).

Interpretasi Data Skor Min

Penggunaan min adalah bertujuan untuk membolehkan pengkaji menyusun setiap item kepada tahap yang paling rendah. Hal ini membolehkan pengkaji membuat kesimpulan terhadap item bagi setiap persoalan kajian (Azuriana Md. Tahar & Norasykin Mohd Zaid , 2019)

Jadual 3: Interpretasi Data Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00-1.33	Rendah
2.34-3.66	Sederhana
3.67-5.00	Tinggi

Sumber : Azuriana Md. Tahar & Norasykin Mohd Zaid (2019)

Keberkesanan Penggunaan Buku Teks Dalam Pengajaran

Bagi tujuan menilai keberkesanan penggunaan buku teks dalam pengajaran, terdapat 6 item telah dianalisis. Merujuk kepada jadual 4, item 1, 2, 3, 4 dan 6, dapatkan menunjukkan nilai peratusan setuju dan sangat setuju yang diperoleh bagi setiap item adalah tinggi serta hampir seragam. Manakala peratusan yang tertinggi dicatatkan pada item 1 dengan memperolehi nilai peratusan sangat setuju 51% dan setuju 48.3% ($\text{min} = 4.52$, $\text{sp} = 0.51$). Selain itu, dapatan dari data yang diperolehi juga mencatatkan peratusan terendah adalah item 5 dengan sangat setuju 10.3% dan setuju 34.5% ($\text{min} = 3.21$, $\text{sp} = 1.05$). Purata keseluruhan bagi skor min adalah 4.14 dan sisihan piawai 0.54 menunjukkan keberkesanan penggunaan buku teks dalam pengajaran guru-guru Pendidikan Islam SJKC di daerah Hulu Langat, berada pada tahap yang tinggi. Maklumat keseluruhan ditunjukkan dalam jadual 4 berikut.

Jadual 4: Peratusan, min skor dan sisihan piawai keseluruhan bagi aspek keberkesaan penggunaan buku teks dalam pengajaran

Bi 1	Pernyataan /Item	Skala							Interpretasi	
		STS	TS	TP	S	SS	Min	S.P		
1	Membantu saya di dalam pengajaran			48.3 (14)	51.7 (15)	4.52	0.51		Tinggi	
2	Membantu saya meningkatkan kefahaman murid		3.4 (1)	62.1 (18)	34.5 (10)	4.31	0.54		Tinggi	
3	Memudahkan pengajaran saya			62.1 (18)	37.9 (11)	4.38	0.49		Tinggi	
4	Memudahkan objektif PdP yang saya rancang tercapai	3.4 (1)	3.4 (1)	62.1 (18)	31.0 (9)	4.21	1.68		Tinggi	
5	Lebih berkesan berbanding pengajaran menggunakan BBM yang lain		34.5 (10)	20.7 (6)	34.5 (10)	10.3 (3)	3.21	1.05		Sederhana
6	Digunakan sebagai rujukan utama semasa pelaksanaan PdP		3.4 (1)	3.4 (1)	55.2 (16)	37.9 (11)	4.28	0.70		Tinggi
Nilai Skor Min		4.14 0.54							Tinggi	
Keseluruhan										

Tahap Kesesuaian Kandungan Buku Teks

Bagi aspek kesesuaian kandungan, terdapat 8 item yang telah dianalisis bagi melihat persepsi guru terhadapnya. Berdasarkan 8 item yang dinilai, hanya terdapat 2 item menunjukkan peratusan yang tinggi bagi sangat setuju dan setuju iaitu item 1, sangat setuju 44.8%, setuju 44.8% (min = 4.31, sp = 0.76) dan item 2 sangat setuju 17.2%, setuju 62.1% (min = 3.93, sp = 0.70). Bagi item yang lain pula, didapati peratusan yang diperoleh adalah agak seragam dengan keseluruhannya berada pada tahap sederhana. Manakala skor min keseluruhan adalah 3.53 dan sisihan piawai 0.80 yang menunjukkan tahap kesesuaian kandungan buku teks menurut guru-guru Pendidikan Islam SJKC di daerah Hulu Langat berada pada tahap sederhana. Maklumat keseluruhan ditunjukkan dalam jadual 5 berikut.

Jadual 5: Peratusan, min skor dan sisihan piawai keseluruhan bagi aspek tahap kesesuaian kandungan buku teks

Bi 1	Pernyataan /Item	Skala								Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS	Min	S.P		
1	Mengandungi maklumat yang hendak dikuasai murid	3.4 (1)	6.9 (2)	44.8 (13)	44.8 (13)		4.31	0.76		Tinggi
2	Mengandungi maklumat yang mencukupi sebagai sumber PdP	3.4 (1)	17.2 (5)	62.1 (18)	17.2 (5)		3.93	0.70		Tinggi
3	Maklumat yang dinyatakan mudah difahami murid	31.0 (9)	13.8 (4)	41.4 (12)	13.8 (4)		3.38	1.08		Sederhana
4	Keseluruhan kandungan bersesuaian dengan kumpulan sasaran	31.0 (9)	13.8 (4)	41.4 (12)	13.8 (4)		3.38	1.08		Sederhana
5	Mempunyai tahap keterbacaan yang sesuai dengan peringkat umur murid	37.9 (11)	20.7 (6)	27.6 (8)	13.8 (4)		3.17	1.10		Sederhana
6	Menggunakan bahasa yang mudah untuk pemerolehan pengetahuan murid	31.0 (9)	13.8 (4)	41.4 (12)	13.8 (4)		3.38	1.08		Sederhana
7	Menggunakan bahasa yang sesuai dengan tahap kemampuan murid	31.0 (9)	17.2 (5)	37.9 (11)	13.8 (4)		3.34	1.09		Sederhana
8	Menggunakan istilah yang sesuai dengan tahap kemampuan murid	31.0 (9)	17.2 (5)	41.4 (12)	10.3 (3)		3.31	1.04		Sederhana
Nilai Skor Min Keseluruhan							3.53	0.80		Sederhana

Cabaran Guru Melaksanakan Pengajaran Menggunakan Buku Teks

Dari sudut cabaran guru melaksanakan pengajaran, terdapat 5 item yang dinilai. Hasil dapatan menunjukkan peratusan yang paling tinggi bagi sangat setuju dan setuju dicatatkan pada item 4 dengan 31% sangat setuju dan 41.4% setuju (min = 3.93, sp = 0.96). Manakala item yang menunjukkan nilai peratusan yang paling rendah bagi sangat setuju dan setuju ialah item 5 dengan sangat setuju 3.4% dan setuju 44.8% (min = 3.24, sp = 0.91). Skor min keseluruhan ialah 3.64 dan sisihan piawai 0.49. Ini menunjukkan cabaran guru-guru Pendidikan Islam SJKC di daerah Hulu Langat dalam melaksanakan pengajaran menggunakan buku teks adalah pada tahap tinggi. Maklumat lanjut bagi aspek ini boleh dilihat pada jadual 6.

Jadual 6: Peratusan, min skor dan sisihan piawai keseluruhan bagi aspek cabaran guru melaksanakan pengajaran menggunakan buku teks

Bi 1	Pernyataan /Item	Skala								Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS	Min	S.P		
1	Murid kurang memahami kandungan buku teks kerana tulisan yang digunakan	24.1 (7)	17.2 (5)	44.8 (13)	13.8 (4)	3.48	1.02		Sederhana	
2	Murid tidak dapat menguasai pelajaran kerana aras kandungan terlalu tinggi	3.4 (1)	3.4 (1)	17.2 (5)	65.5 (19)	10.3 (3)	3.76	0.83	Tinggi	
3	Murid tidak dapat menguasai objektif pelajaran kerana tahap penguasaan murid rendah	3.4 (1)		24.1 (7)	55.2 (16)	17.2 (5)	3.83	0.85	Tinggi	
4	Murid kurang berminat terhadap PdP yang menggunakan buku teks sebagai BBM	10.3 (3)	17.2 (5)	41.4 (12)	31.0 (9)	3.93	0.96		Tinggi	
5	Guru perlu mempelbagai kaedah penggunaan buku teks bagi mencapai objektif pengajaran	27.6 (8)	24.1 (7)	44.8 (13)	3.4 (1)	3.24	0.91		Sederhana	
Nilai Skor Min						3.64	0.49	Tinggi		
Keseluruhan										

PERBINCANGAN KAJIAN

Keberkesanan Penggunaan Buku Teks Dalam Pengajaran

Secara keseluruhan persepsi guru terhadap penggunaan buku teks dalam pengajaran adalah tinggi. Dapatkan ini memberi gambaran bahawa buku teks amat membantu guru-guru dalam melaksanakan PdP mereka, bahkan membantu guru dalam meningkatkan kefahaman murid. Apa yang menarik berkaitan dapatan ini juga, buku teks didapati masih menjadi pilihan guru-guru untuk dijadikan rujukan utama bagi pelaksanaan PdP bertepatan serta selari dengan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan antaranya oleh Zaki Ismail (2017), Abd. Halim & Nik Mohd Rahimi (2011), Kamarul Azmi et al. (2011). Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru masih lagi bergantung kepada buku teks dalam memandu pelaksanaan proses PdP mereka dengan sebab yang pelbagai.

Tahap Kesesuaian Kandungan Buku Teks

Dari sudut tahap kesesuaian kandungan buku teks Pendidikan Islam, secara keseluruhannya adalah berada pada tahap sederhana. Walaupun secara asasnya buku teks mengandungi maklumat yang hendak dikuasai murid, akan tetapi dapat menunjukkan sebahagian besar murid-murid di SJKC mempunyai permasalahan dalam mengakses maklumat tersebut. Hal ini jika dilihat secara tuntas, penggunaan bahasa dan istilah memainkan peranan yang amat penting dalam menyesuaikan kandungan buku teks dengan penerimaan murid, bertepatan dengan kajian yang dilaksanakan oleh Sahandri et al. (2012) yang menyatakan bahawa penggunaan tulisan jawi memberi kesan terhadap keterbacaan buku teks bagi murid yang tidak menguasainya serta daptan oleh Muhammad Endut (1992) yang menyatakan kegagalan murid menguasai kemahiran membaca dan menulis jawi memberi kesan terhadap penguasaan murid. Kelemahan aspek ini jika tidak dilihat sebagai suatu keperluan dalam penghasilan buku teks bakal menatijahkan murid yang tidak dapat mengambil manfaat yang sewajarnya dari apa yang disajikan dan semestinya matlamat utama penghasilan buku teks sebagai rujukan bukan hanya kepada guru tetapi juga murid tidak akan tercapai.

Cabaran Guru Melaksanakan Pengajaran Menggunakan Buku Teks

Dari sudut cabaran guru, didapati keseluruhannya adalah berada pada tahap yang tinggi. Antara cabaran utama yang perlu dihadapi oleh guru ialah aspek pengajaran yang tidak hanya boleh bergantung kepada buku teks sebagai BBM. Kebergantungan hanya kepada buku teks sebagai BBM menyebabkan murid kurang berminat terhadap pengajaran guru. Kewujudan pelbagai jenis BBM pada hari ini boleh menjadi pelengkap kepada buku teks atau saling melengkapi bagi menjadikan PdP guru mampu memberikan suatu keseronokan, menambah nilai serta menjadikan objektif yang dirangka dalam PdP tercapai, ini selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh Norlizawaty Baharin (2019) berkaitan penggunaan iPad di dalam PdP, menunjukkan bahawa penggunaan iPad sebagai BBM bukan sahaja memberikan keseronokan belajar bahkan menimbulkan kesan positif terhadap penglibatan murid. Perkara ini jika dilihat secara lebih mendalam ia adalah berkait dengan kemampuan guru mengolah serta memilih BBM yang dikira bersesuaian dengan murid mereka. Dapatkan turut menunjukkan antara yang menjadi cabaran utama guru serta mempunyai perkaitan langsung dengan penggunaan buku teks sebagai BBM adalah ketidakmampuan murid untuk menguasai objektif pengajaran kerana penguasaan murid yang rendah dan aras kandungan yang tinggi selari dengan dapatan kajian Amirul Shafiq Rodin & Isa Hamzah (2020) yang menyatakan ketidakmampuan murid tahun 1 di SJKC menguasai silibus tajwid kerana terlalu tinggi. Hal ini memberikan gambaran bahawa, perlunya aspek keperluan murid terutama murid-murid Islam yang berada di SJKC turut diambil kira dalam penghasilan buku teks khususnya berkaitan kandungan buku teks Pendidikan Islam itu sendiri.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, buku teks masih lagi menjadi BBM utama guru-guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan PdP mereka. Kewujudan pelbagai jenis BBM semasa yang lain tidaklah

menafikan akan peranan penting yang dimainkan oleh buku teks terutama dalam membantu guru-guru dalam pengajaran mereka. Aspek kesesuaian kandungan pula jika dilihat, masih terdapat ruang yang dikira boleh ditambah baik bagi memastikan apa yang terkandung di dalam buku teks mampu dimanfaatkan secara maksimum, khususnya oleh murid selain bertujuan menjawab kritikan semasa yang berkaitan. Semestinya, menjadi cabaran langsung kepada guru-guru untuk memanfaatkan penggunaan buku teks secara maksimum dan dalam masa yang sama menjadikan PdP mereka menarik serta mampu mencapai objektif yang dirancang.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Mahamad. 2016. Interpretasi Ilustrasi dalam Buku Teks Pendidikan Islam Sekolah Rendah. Tesis PHD, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Aisyah Sjahrony, Maimun Aqsha Lubis & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 2017. Kepentingan Kebolehbacaan Buku Teks Dalam Dunia Pendidikan. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 1(1): 25-40.
- Amirul Shafiq Rodin & Isa Hamzah. 2020. Persepsi Guru Terhadap Pembelajaran Bidang Tajwid Murid Tahun 1 Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Daerah Hulu Langat. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5*. Hlm. 1209-1220.
- Azizi Yahaya, Peter Voo, Ismail Maakip & Mohd Dahlan A.Malek. 2020. *Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan*. Tanjung Malim, Perak, Penerbit Universiti Sultan Idris.
- Azmil Hashim, Zaki Ismail, & Misnan Jemali. 2015. Isu-Isu Pendidikan Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dalam Negeri Perak. *Journal of Islamic and Arabic Education* 7(2): 17-25.
- Azuriana Md. Tahar & Norasykin Mohd Zaid. 2019. Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Frog VLE dalam Mata Pelajaran Biologi Tingkatan 4. *Innovative Teaching and Learning Journal* 2(2): 43–58.
- Benavot, A., & Jere, C. 2016. *Gender bias is rife in textbooks*. World Education Blog. <https://gemreportunesco.wordpress.com/2016/03/08/gender-bias-is-rife-in-textbooks/>
- Bahagian Buku Teks. 2012.
- Fam Choo Chen & Tan Tiam Lai. 2022. Persepsi Guru Bahasa Cina Terhadap Kandungan Buku Teks Bahasa Cina SJKC Tahun Satu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 7(6): 1-13.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. 2021. *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Edisi ke-3. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faeez Ilias, Abdul Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah. 2011. Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic education* 3(1): 59-74.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. 2003. *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Endut. 1992. *Pendidikan Islam KBSM: Satu kajian tentang masalah pengajaran di sekolah-sekolah di negeri Johor*. Tesis M. Ed., Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Muslich Mansur. 2010. *Text Book Writing*. Jogjakarta, Ar-Ruzz Media.
- Musa Sulaiman. 2005. Fokus Kepada Inovasi Sumber Pengajaran dan Pembelajaran. Kertas Kerja. Institut Perguruan Batu Lintang.
- Najwa Khasim, Azman Md Zain & Mohd Hilmi Hamzah. 2017. Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* 2(6): 56-69.
- Naquiah Nahar & Jimain Safar. 2016. Amalan Pengajaran Jawi dalam Pendidikan Masa Kini: Suatu Tinjauan. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 2(2): 70-85.
- Nik Norhazimah Nek Ali, Zamri Mahamod, Nurul Ain Azmi, Noor Syazwani Roni & Mohd Shah Rizal Othman. 2012. Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Kesusastraan Melayu Sekolah Menengah Di Negeri Kelantan. *Proceeding of International Seminar on Educational Comparative in Competency Based Curriculum Between Indonesia and Malaysia*, hlm. 808-817.
- Norlizawaty Baharin. 2019. Penggunaan Ipad Untuk Meningkatkan Pembelajaran dan Penglibatan Murid Dalam Bilik Darjah. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan* 20: 12-24.
- Norshida Hashim. 2012. Keberkesanan Bahan Bantu Mengajar dalam Pembelajaran Bahasa Arab j-QAF. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Norul Haida bt. Hj. Reduzan, Sharil Nizam Sha'ri, Nor Azian bt. Yeop Idris. 2016. Keberkesanan Penggunaan Buku Teks Bahasa Malaysia (KSSR) Sekolah Rendah. *4th International Conference on Language, Education and Innovation (ICLEI)*, hlm. 49-55.
- Nurzaemah Bt Ismail, Maimun Aqsha Lubis & Junaidah Bt Mat Isa. 2015. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa Arab. *Proceeding The 8th International Workshop and Conference of Asean Studies on Islamic and Arabic Education and Civilization*, hlm. 322-329.
- Sahandri Gani, Roselan & Saifuddin. 2012. *Amalan Penilaian Guru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sidek Mohd Noah. 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Siti Nasuha. Singki. 2021. Penilaian Terhadap Buku Teks Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Islam Tingkatan Satu. Tesis Sarjana, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Teuku Iskandar. 1970. *Kamus Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaki Ismail. 2017. Amalan Pengajaran Bidang Ibadah Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Negeri Perak. Tesis Sarjana, Universiti Pendidikan Sultan Idris.